

13 APR 2001

Fitnah

SAMAN "MEGA" MUNGKIN BERAKHIR

Oleh: Kuah Guan Oo

KUALA LUMPUR, 13 April (Bernama) -- Saman "mega" atau yang bernilai beratus malah berbilion ringgit yang kini menghairahkan negara dan menimbulkan keresahan di kalangan wartawan, dijangka berakhir menjelang tahun baru.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim telah memberi jaminan untuk membentangkan pindaan Akta Fitnah 1957 di Parlimen untuk dipertimbangkan menjelang hujung tahun ini.

"Kita akan berusaha gigih melaksanakan pindaan itu menjelang hujung tahun ini. Sudah pasti, ini lebih mudah untuk dikatakan daripada dilakukan," kata beliau dalam satu temubual dengan Bernama.

Presiden Majlis Peguam yang baru dilantik Mah Weng Kwai yang turut bersetuju berkata, ia bukan tugas mudah bagi mereka di pejabat Peguam Negara yang menderaf pindaan itu.

Dr Rais berkata, beliau sedang mengadakan satu siri pertemuan dengan orang-orang yang terbabit dalam membuat pindaan pada akta itu dan telah menetapkan had bagi saman fitnah yang kini boleh sampai ke berbilion-bilion ringgit.

Beliau telah mendengar pendapat badan kehakiman, Majlis Peguam, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan juga parti pemerintah serta pembangkang mengenai saman mega itu dan semuanya bersetuju yang kegilaan saman mega itu harus berakhir.

Dr Rais, yang membuat disertasi kedoktoran mengenai "Kedaulatan Undang-undang" berkata, beliau merupakan orang pertama untuk mencadangkan pindaan itu pada tahun lepas tetapi Ketua Hakim Negara pada masa itu, Tun Eusoff Chin, tidak bersetuju dengannya.

Sebenarnya, Rais mahukan kajian semula beberapa lagi undang-undang sejak beliau dilantik sebagai Menteri. Antaranya ialah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, Akta Hasutan, Ordinan Darurat, Akta Keselamatan Dalam Negeri dan undang-undang Sivil.

Beliau berkata, dalam meminda Akta Fitnah pertimbangan pertama ialah asas undang-undang atau prinsip untuk menetapkan had bagi ganti rugi, supaya kuantum itu dilihat munasabah, dan bukan arbitrari.

Pertimbangan kedua tetapi lebih penting ialah memberikan hakim-hakim kebebasan kehakiman untuk menilai gantirugi.

Mah pada pihaknya berkata peguam-peguam enggan mengurangkan atau menetapkan had saman dan membiarkannya kepada budi bicara hakim. Tetapi demi menamatkan saman-saman mega, mereka telah meminta supaya had gantirugi ditetapkan.

Dr Rais berkata pertimbangan ketiga ialah bagaimana had yang ditetapkan itu jika dibandingkan dengan gantirugi yang ditawarkan mengikut undang-undang sivil, katakan, bagi kehilangan anggota badan.

Dalam menilai kuantum ganti rugi, mereka perlu menilai kerugian sebenar, kerugian wang, kehilangan reputasi dan perniagaan plaintif.

" Sementara kehilangan pendapatan boleh dibuktikan melalui penyata cukai pendapatan, bagaimana seseorang menilai ganti rugi bagi kehilangan reputasi," katanya.

Bagi personaliti seperti Perdana Menteri atau Menteri Kabinet, kuantum itu sudah pasti lebih tinggi.

"Gantirugi yang ditawarkan itu mesti berkaitan dengan kerugian sebenar," kata beliau, dan menamah kata dalam kes-kes tertentu, permohonan maaf secara terbuka sudah memadai.

Punca utama saman mega ialah undang-undang fitnah sedia ada tidak menyatakan apa-apa mengenai jumlah gantirugi seorang litigan boleh meminta. Tetapi sehingga 1996, iaitu sebelum munculnya satu siri 10 saman mega, ganti rugi yang diminta tidak mencapai angka berjuta-juta.

Presiden Majlis Peguam itu berkata, sebelum ini, litigan biasanya menuntut gantirugi am tanpa menyatakan kuantum dan membiarkan mahkamah yang memutuskannya.

Mah yang melihat situasi sekarang sebagai tidak masuk akal, berkata para peguam bertanggungjawab kepada keadaan ini kerana mereka yang sepatutnya menasihatkan anak guam masing-masing akan gantirugi am yang harus diminta.

"Mereka perlu menasihatkan pelanggan mereka mengenai ganti rugi yang harus diminta atau jika anak guam itu meminta terlalu banyak," katanya.

Selain daripada gantirugi am, terdapat gantirugi khas yang boleh dibuktikan dengan dokumen-dokumen, tetapi gantirugi khas jarang diminta. Kos juga boleh dikuantitikan dan ia termasuk yuran peguam, bayaran memfail dan yang lain.

Mah berkata jumlah ganti rugi am yang diminta dan dibenarkan harus membayangkan realiti situasi Malaysia. "Berapa daripada kita di negara ini yang berpendapatan satu juta ringgit dalam setahun," katanya.

Beliau memuji Timbalan Presiden Parti Keadilan Nasional, Dr Chandra Muzaffar kerana menggugurkan kuantum RM70 juta dalam gantirugi am yang dimintanya dalam saman fitnah terhadap bekas penolong gabenor Bank Negara Datuk Abdul Murad Khalid.

Dr Rais berkata, beliau bersetuju dengan pandangan Mah dan memuji Majlis Peguam kerana mengaku peguam-peguam yang bertanggungjawab bagi siri saman mega ini.

"Ia bukan mudah bagi mereka untuk mengaku, saya menghargainya," kata beliau, dan menambah kata beliau mendapati kebanyakan daripada cadangan mereka adalah praktikal dan mereka mementingkan negara.

Majlis Peguam dalam memorandum mengenai perkara itu meminta antara lain, yang pembelaan perlindungan bersyarat dilanjutkan kepada media berhubung penerbitan hal-hal kepentingan umum mengenai ahli politik, sama ada daripada peringkat tempatan, kebangsaan atau antarabangsa selagi media bertindak dengan munasabah di setiap peringkat.

Daripada satu tinjauan menyeluruh mengenai perubahan kepada undang-undang saman fitnah di negara-negara Komanwel, ia juga mendapati skop perlindungan bersyarat telah diperluaskan untuk memberi perlindungan bagi sumber-sumber berita wartawan.

Dr Rais berkata dalam mengkaji semula undang-undang itu, kerajaan tidak akan bergantung kepada sistem perundangan United Kingdom sahaja tetapi juga akan mengambil kira perkembangan di negara-negara Komanwel yang lain.

Pada 1984 apabila kerajaan meminda Akta Undang-undang Sivil untuk menghadkan ganti rugi bagi kecederaan peribadi kepada RM10,000, rasional di sebaliknya ialah untuk mengelakan masyarakat yang cenderung membuat tuntutan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, perubahan itu adalah untuk mencegah satu situasi yang tidak baik dengan seseorang boleh menyaman sesiapa, termasuk doktor yang merawatnya ataupun sesiapa yang membantunya semasa beliau cedera.

Majlis Peguam yang tersinggung pada masa itu kerana kerajaan tidak berunding dengannya sebelum pindaan itu dibuat mendapati beberapa kelemahan dalam undang-undang itu, seperti membayar RM10,000 kerana kematian atau kehilangan anggota badan.

Dr Rais bersetuju yang pindaan itu telah menimbulkan masalah baru kerana mereka dengan pendapatan tinggi rugi apabila hilang upaya akibat kemalangan dan sebagainya.

Dr Rais berkata, beliau juga bersetuju yang ia satu peluang Majlis Peguam dan orang ramai terlepas apabila mereka tidak menekan kerajaan untuk menetapkan had dalam saman fitnah.

Tetapi Mah tidak bersetuju yang ia peluang yang terlepas untuk meminda Akta Fitnah.

"Terdapat sebilangan kecil saman fitnah pada masa itu dan itupun jarang. Gantirugi yang diminta juga bukan dalam jumlah yang besar," katanya.

-- BERNAMA

KGO AU PR